

Headline	Kawal pembalakan Tun M		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	12	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	70 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 627
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,881



# Kawal pembalakan: Tun M

**KUALA LUMPUR** - Selain pembalakan haram, aktiviti pembalakan yang mendapat kebenaran pihak berkuasa juga perlu dikawal bagi mengelakkan kejadian banjir.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, ini bagi memastikan kejadian banjir luar biasa yang berlaku di Kelantan, baru-baru ini tidak berulang.

“Jadikan iktibar kejadian

banjir tersebut, dan cari jalan untuk kekalkan hutan ini.

“Kita tengok apabila banjir berlaku tempoh hari banyak kayu balak timbul melanggar jambatan yang mengakibatkan (jambatan) runtuh,” katanya pada sidang media semasa lawatan ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.

Dr Mahathir sebelum itu

menandatangani sebuah plak sempena status FRIM yang diangkat taraf sebagai tapak warisan negara.

Ini adalah lawatan kedua beliau ke FRIM selepas kali pertama ke kawasan hutan simpan itu pada 1984.

FRIM digazetkan sebagai Tapak Warisan Semula jadi pada 2009 dan diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada 2012.